

KEMPEN e-DUIT RAYA CONNECT

Last Updated on 12 April 2022

TEMPOH KEMPEN

"Kempen Hantar e-Duit Raya melalui Aplikasi HLB Connect dan Menang!" ("Kempen") Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("HLB") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("HLISB") ("selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai **"Bank"**) bermula pada 18 April 2022 dan berakhir pada 31 Mei 2022, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**"), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini ("**T&S**"):

KELAYAKAN

1. Kempen ini dibuka untuk para pelanggan Bank ("**Pelanggan**") yang memiliki Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa atau Simpanan HLISB-i ("**CASA/CASA-i**") baharu atau sedia ada dan yang telah mendaftar untuk HLB Connect dan telah memuat turun Aplikasi HLB Connect ("**HLB Connect**") sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
2. Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan:
 - (i) yang telah melakukan, atau kini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau yang salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - (ii) yang menghadapi prosiding mufis atau telah diisytiharkan mufis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
 - (iii) yang telah melanggar mana-mana terma dan syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen.

TATACARA KEMPEN DAN PEMILIHAN PEMENANG

3. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan perlu memenuhi pra-syarat berikut (mana yang berkaitan):
 - (i) **mendaftar untuk HLB Connect**; dan/atau
 - (ii) **memuat turun Aplikasi HLB Connect dan log masuk buat kali pertama**; dan/atau
 - (iii) **memindahkan dana ke nombor Mudah Alih/MyKad/Pasport/Pendaftaran Perniagaan melalui ikon e-Duit Raya** (terdapat pada skrin log masuk Aplikasi HLB Connect) dengan jumlah minimum sebanyak Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10).

Pelanggan yang telah memenuhi syarat-syarat yang berkaitan di bawah Klausula 3 selepas ini akan dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**".

4. Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat yang ditetapkan di bawah Klausula 3 akan layak memenangi Hadiah atau Pulangan Tunai yang tersenarai ("**Pemenang**") seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Segmen Hadiah	Kaedah Pemilihan Pemenang	Pindahan Minimum untuk Memperoleh Penyertaan
Hadiah Utama Motosikal Yamaha Y16ZR	Dua (2) Pelanggan yang Layak dengan bilangan penyertaan terkumpul paling banyak dari Jadual 2 di bawah pada akhir Tempoh Kempen akan dipilih.	Minimum RM10 e-Duit Raya (ke nombor Mudah Alih/MyKad/ Pasport/Pendaftaran Perniagaan) melalui Aplikasi HLB Connect
Hadiah Kedua Baucar AEON RM200	Lima Puluh (50) Pelanggan yang Layak berikutnya dengan bilangan penyertaan paling banyak terkumpul pada akhir Tempoh Kempen akan dipilih.	
Pulangan Tunai Bonus Raya mulai 1 Mei 2022 – 14 Mei 2022: Pulangan Tunai RM2	<ul style="list-style-type: none"> • 500 Pelanggan yang Layak pertama setiap hari yang menghantar e-Duit Raya melalui Aplikasi HLB Connect akan layak. • Pemenang Harian akan dipilih tetapi setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh menang sekali mulai 1 – 14 Mei 2022. 	
Pulangan Tunai Pendaftaran Baharu HLB Connect: Pulangan Tunai RM15	<ul style="list-style-type: none"> • 400 Pelanggan yang Layak pertama yang mendaftar untuk profil HLB Connect dan menghantar e-Duit Raya melalui Aplikasi HLB Connect semasa Tempoh Kempen. 	

5. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Pemenang bagi Hadiah Utama dan Hadiah Kedua, Bank akan memperuntukkan penyertaan kepada setiap Pelanggan yang Layak bagi setiap Transaksi yang Layak yang berjaya dilakukan semasa Tempoh Kempen seperti ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2

Transaksi yang Layak	Penyertaan yang Perlu Diperoleh
Mendaftar untuk HLB Connect semasa Tempoh Kempen	20 penyertaan selepas berjaya mendaftar
Muat turun Aplikasi HLB Connect dan log masuk buat kali pertama semasa Tempoh Kempen	10 penyertaan selepas berjaya memuat turun
Hantar e-Duit Raya dengan minimum sebanyak RM10 (ke nombor Mudah Alih/MyKad/Pasport/Pendaftaran Perniagaan) pada Aplikasi HLB Connect semasa Tempoh Kempen	1 penyertaan bagi setiap transaksi yang berjaya

6. Peruntukan Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Kedua akan dipilih dari kumpulan Pelanggan HLB Connect sedia ada dan pelanggan HLB Connect yang baharu, **di mana satu (1) Pemenang Hadiah Utama dan dua puluh lima (25) Pemenang Hadiah Kedua akan dipilih daripada setiap kumpulan.**
7. Sekiranya terdapat dua (2) orang atau lebih Pelanggan yang Layak yang mengumpulkan bilangan penyertaan terbanyak yang sama, Pelanggan yang Layak yang pertama mengumpulkan bilangan penyertaan terbanyak akan dipilih sebagai Pemenang.

8. Jumlah Hadiah Utama dan Hadiah Kedua untuk Kempen ini ialah:
- (i) Peruntukan Hadiah Utama terhad kepada dua (2) unit Motosikal Yamaha Y16ZR
 - (ii) Peruntukan Hadiah Kedua terhad kepada lima puluh (50) keping baucar RM200 AEON

Hadiah Utama dan Hadiah Kedua akan diberikan ("**Pemenang Hadiah**") mengikut kaedah pemilihan Pemenang yang dinyatakan dalam Klausula 6 dan 7 di atas.

9. Jumlah peruntukan Pulangan Tunai bagi Kempen ini terhad pada Dua Puluh Ribu Ringgit Malaysia (RM20,000):
- (i) Peruntukan Pulangan Tunai bagi Bonus Raya Harian ialah Empat Belas Ribu Ringgit Malaysia (RM14,000)
 - (ii) Peruntukan Pulangan Tunai bagi Pendaftaran HLB Connect ialah Enam Ribu Ringgit Malaysia (RM6,000)

Pulangan Tunai akan diberikan ("**Pemenang Pulangan Tunai**") mengikut kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas.

10. Pelanggan HLB Connect yang baharu berpeluang memenangi satu (1) Hadiah Utama atau Hadiah Kedua dan/atau Pulangan Tunai sehingga RM17 (sebagai agregat Pulangan Tunai yang diperoleh daripada Pendaftaran Baharu HLB Connect dan Bonus Raya Harian), manakala Pelanggan HLB Connect sedia ada yang sudah pun menjadi pengguna Aplikasi HLB Connect masih berpeluang memenangi satu (1) Hadiah Utama atau Hadiah Kedua dan/atau Pulangan Tunai RM2 daripada Bonus Raya mulai 1 Mei 2022 hingga 14 Mei 2022 seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

HADIAH KEMPEN & PENGISIAN PULANGAN TUNAI

11. Para Pemenang Hadiah Utama, Hadiah Kedua dan Pulangan Tunai akan diberitahu melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("**SMS**") dan/atau e-mel (berdasarkan nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel dalam rekod Bank) jika mereka telah dipilih sebagai Pemenang. Senarai Pemenang akan disiarkan melalui <http://www.hlb.com.my/raja> ("**Laman Web Kempen**") pada 14 Julai 2022.
12. Para pemenang Hadiah Utama perlu mengambil sendiri hadiah mereka dengan membawa bersama kad pengenalan (KP)/Pasport dan surat kemenangan yang dikeluarkan oleh Bank untuk menuntut hadiah daripada penjual motosikal yang ditentukan mulai 25 Ogos 2022. Hadiah Utama perlu dituntut sebelum 30 September 2022 dan sekiranya gagal, Hadiah Utama akan dibatalkan. Para Pemenang akan menanggung semua kos dan perbelanjaan yang berkaitan (termasuk perjalanan, yuran pendaftaran, cukai jalan, nombor plat, insurans, perbelanjaan dikeluarkan sendiri, fi penyelenggaraan dan sebagainya) untuk menuntut Hadiah Utama dan mendaftar motosikal. Jika Pemenang gagal menuntut Hadiah Utama dalam tempoh yang diberikan, Bank berhak untuk membatalkan Hadiah Utama.
13. Hadiah Kedua akan dihantar ke cawangan Bank yang terdekat dengan alamat Pemenang sebelum 25 Ogos 2022 untuk diambil oleh Pemenang Hadiah menggunakan kos dan perbelanjaan mereka sendiri sebelum 30 September, 2022 dan jika gagal diambil, Hadiah Kedua akan dibatalkan. Pengesahan biometrik diperlukan di cawangan semasa mengambil hadiah. Sekiranya Pemenang tidak dapat mengambil sendiri hadiah, mereka boleh menamakan wakil yang dilantik untuk mengambil hadiah. Wakil dikehendaki menunjukkan kebenaran bertulis daripada Pemenang Hadiah Kedua dan salinan fotokopi kad pengenalan (depan dan belakang) atau pasport yang terkini dan sah (jika warga asing) Pemenang Hadiah Kedua.
14. Tuntutan Hadiah Kedua hanya sah untuk sekali guna sahaja. Sebarang baki yang tidak digunakan tidak akan dibayar balik. Jika nilai baucar kurang daripada nilai barangan yang dibeli, perbezaan harga hendaklah ditanggung oleh Pemenang Hadiah Kedua.

15. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Hadiah atau perubahan pada butiran Hadiah atau sebarang keadaan luar jangkaan di luar kawalan Bank yang munasabah dan bagi sebarang tindakan atau kelalaian oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga bagi Hadiah.
16. Semua Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pemenang Pulangan Tunai dengan Bank pada 25 Ogos 2022.
17. Oleh yang demikian, Pemenang Pulangan Tunai perlu mengekalkan CASA/CASA-i yang sah dan aktif dengan Bank sehingga 25 Ogos 2022. Sekiranya mereka gagal, Pulangan Tunai akan dibatalkan.
18. Menjadi kewajipan Pemenang Pulangan Tunai untuk menghubungi Bank jika Pulangan Tunai tidak diterima pada atau sebelum 8 September 2022. Selepas tarikh ini, Pemenang Pulangan Tunai dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang tuntutan pembayaran balik tidak akan diproses.
19. Hadiah dan Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan model atau warna yang lain, wang tunai, kredit, cek atau manfaat yang sama nilai.
20. Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan tentang kualiti atau kesesuaian Hadiah (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahihan dan/atau penggunaan Hadiah dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak). Para Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Kedua hendaklah berurusan secara terus dengan pembuat/pembekal bagi apa-apa pertanyaan, pertikaian, maklumat jaminan atau tuntutan berkaitan Hadiah tanpa mendapatkan bantuan daripada Bank. Semua risiko, kehilangan, kerosakan dan/atau kecederaan yang berkait dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
21. Bank berhak untuk menggantikan Hadiah Utama dan Hadiah Kedua dengan apa-apa barangan lain atau Pulangan Tunai yang sama nilai mengikut budi bicaranya dengan notis awal.
22. Hadiah-hadiah disediakan secara "Seperti Seadanya". Hadiah-hadiah yang ditunjukkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web Bank bertujuan sebagai ilustrasi semata-mata. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang ditampilkan dengan Hadiah dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan dekorasi dan tidak membentuk sebahagian daripada Hadiah Utama atau Hadiah Kedua.

AM

23. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju:
 - (i) bahawa mereka telah membaca, memahami dan menerima T&S dan untuk terikat dengan T&S yang terkandung;
 - (ii) bahawa semua rekod tentang pengisian syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Kempen dan pemilihan Pemenang Hadiah atau Pulangan Tunai adalah muktamad;
 - (iii) bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan;
 - (iv) untuk memberi kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan nombor mudah alih mereka kepada M3 Technologies (Asia) Berhad (199901007872 (482662-D)) dan/atau Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (898379-U) dan/atau alamat e-mel kepada DCatalyst Sdn Bhd (200801017996), yang merupakan para vendor yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS dan/atau e-mel bagi Kempen ini;

- (v) bertanggungjawab menyediakan butiran hubungan mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih dan alamat e-mel, dan segera memaklumkan Bank sekiranya berlaku perubahan;
 - (vi) Bersetuju dan memberi kebenaran kepada Bank untuk menyiarkan dan/atau memaparkan bahan-bahan dan/atau maklumat, termasuk dan tidak terhad kepada nama, foto dan video Pemenang tanpa bayaran untuk tujuan iklan dan publisiti dengan cara yang dianggap sesuai;
 - (vii) bahawa sebarang SMS yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak atau oleh Pelanggan yang Layak kepada Bank bergantung sepenuhnya pada ketersediaan dan kualiti perkhidmatan pembekal perkhidmatan rangkaian mudah alih. Bank tidak memiliki sebarang kawalan apa pun terhadap kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan ("**Kegagalan Rangkaian**"). Oleh yang demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh anda atau mana-mana pihak ketiga akibat sebarang penangguhan atau kegagalan menerima sebarang transmisi SMS daripada Bank dan sebaliknya disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Rayuan bagi kelewatan atau kegagalan sedemikian tidak akan dilayan;
 - (viii) mengakses Laman Web Kempen pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Kempen ini dan untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut; dan
 - (ix) bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
24. Bank berhak:
- (i) dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen dengan memaklumkan menerusi Laman Web Kempen;
 - (ii) untuk menarik balik Hadiah atau Pulangan Tunai sekiranya Pelanggan tidak mematuhi T&S yang terkandung di sini, sebarang terma dan syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat bagi menggunakan HLB Connect, Terma dan Syarat Am Akaun dan semua undang-undang/peraturan lain yang terpakai
25. Sebagai tambahan kepada T&S yang dinyatakan di atas, Pelanggan bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang Mentadbir penggunaan HLB Connect, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat yang mentadbir CASA/CASA-i hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.
26. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Kempen ini, T&S terakhir pada Laman Web Kempen akan digunakan.
27. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menghormati bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
28. Kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda ada sebarang pertanyaan tentang T&S ini, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.